

## **PROJEK KELULUSAN KHAS: PEMBANGUNAN INDUSTRI KELAPA**

### **I. LATARBELAKANG PROJEK.**

1. Pada tahun 2007, Malaysia mempunyai kira-kira 109,185 hektar kelapa melibatkan 80,000 keluarga tani yang menghasilkan lebih kurang 382 juta biji berdasarkan kepada hasil purata kelapa sebanyak 3,500 biji/hektar/tahun. Sebahagian besar dari varieti yang tanam adalah dari jenis tradisional seperti *Malayan Tall* (92%), manakala bakinya adalah dari jenis hibrid komersil seperti MATAG (5%), Pandan (2%) dan MAWA (1%). Dianggarkan 61% dari keluasan kelapa terletak di Semenanjung dan kawasan-kawasan utama tanaman kelapa adalah di Hilir Perak, Sabak Bernam, Samarahan, Batu Pahat, Kudat dan Tawau.
2. Industri kelapa masih memainkan peranan penting dalam perdagangan negara. Pada tahun 2007, Malaysia telah mengeksport kelapa dan produk kelapa bernilai RM 480,576,001 manakala import kelapa dan produk kelapa bernilai RM 389,861,626 memberikan lebih imbalan dagangan sebanyak RM 90,714,375 juta berbanding hanya RM 37,070,795 pada tahun 2006. (Peningkatan sebanyak 144.7%). Sebahagian besar daripada eksport terdiri daripada minyak kelapa dan produk-produk kelapa seperti karbon teraktif, kelapa parut kering dan santan/serbuk santan manakala import utama terdiri daripada minyak kelapa, karbon teraktif, kopra dan kelapa segar. Kepentingan kelapa semakin menyerlah dengan penemuan dan penghasilan produk-produk baru seperti VCO.
3. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh industri kelapa negara pada masa kini ialah;
  - (i) Hasil yang rendah disebabkan pokok-pokok yang telah tua (Mengikut Kajian Sosio Ekonomi yang dijalankan pada tahun 2006, purata umur kelapa tinggi ialah 55.1 tahun)
  - (ii) Pendapatan pekebun kecil kelapa kurang RM 500/bulan (Mengikut Kajian yang sama, purata pendapatan pekebun kecil kelapa ialah RM 419/bulan)
  - (iii) Pengeluaran kelapa negara masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan kelapa segar dan industri pemprosesan.
  - (iv) Bekalan benih kelapa hibrid masih tidak mencukupi.

- (v) Kecenderungan pekebun kecil kelapa untuk menukar kepada tanaman lain
4. Objektif projek Pembangunan Industri Kelapa ini ialah untuk;
- (i) Meningkatkan pendapatan pekebun kecil kelapa kepada RM 1000/ha/bulan melalui aktiviti tanam semula kelapa, integrasi tanaman dan pemprosesan.
  - (ii) Meningkatkan hasil kelapa kepada 22,000 biji/ha/tahun melalui penanaman semula dengan jenis hibrid dan pandan.
  - (iii) Meningkatkan hasil kelapa di kawasan sedia ada dari 3,500 biji/ha/tahun kepada 7,000 biji/ha/tahun melalui aktiviti pemulihan.
  - (iv) Meningkatkan pengeluaran dan bekalan benih kelapa hibrid dan kelapa pandan .
  - (v) Memenuhi keperluan kelapa segar dan industri pemprosesan serta mewujudkan peluang perniagaan di sepanjang rangkaian nilai .

## **II. PENJELASAN MENGENAI PROJEK**

5. Berdasarkan cabaran-cabaran yang dihadapi, usaha untuk memulihkan industri kelapa negara perlu diteruskan dengan strategi meningkatkan produktiviti supaya pendapatan pekebun kecil turut meningkat dan bekalan kelapa negara bertambah bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan dan eksport. Projek ini akan dilaksanakan melalui 2 sub-projek utama iaitu;

### **i) Penanaman Semula Kelapa**

6. Sub-projek ini bertujuan untuk menanam semula kawasan kelapa tua yang sudah tidak produktif dengan jenis-jenis kelapa yang berhasil tinggi seperti varieti hibrid matag yang boleh menghasilkan sehingga 22,000 biji/ha/tahun. Selain itu penanaman semula dengan kelapa pandan turut digalakkan bagi memenuhi keperluan untuk minuman segar.

7. Bantuan pada kadar RM 6,500/ha akan disalurkan untuk membiayai aktiviti pembersihan kawasan, pembinaan parit, pembinaan pagar, bekalan benih dan input-input pertanian serta integrasi dengan komoditi lain yang boleh menambah pendapatan seperti pisang, nanas, koko, kopi, serai dan lebah madu.

**ii) Pemulihan Kelapa.**

8. Sub-projek ini bertujuan untuk memulihkan kawasan-kawasan kelapa sedia ada yang masih produktif supaya hasil dapat ditingkatkan daripada 3,500 biji/ha/tahun kepada 7,000 biji/ha/tahun. Kadar bantuan sebanyak RM 2,500/ha akan disalurkan untuk membiayai aktiviti seperti pembaikan saluran, penjarangan dan sulaman pokok-pokok tua, pembajaan dan kawalan perosak serta aktiviti integrasi dengan tanaman lain bagi meningkatkan pendapatan.
9. Di bawah subprojek ini juga, beberapa kemudahan disediakan termasuklah pembinaan Pusat Pengumpulan Ladang yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pemasaran hasil kelapa di kawasan projek kelompok tanpa melalui orang tengah.